سمبوتن هاري
بليا كبڠساٴن

SAMBUTAN
# HARI BELIA KEBANGSAAN
KE-14, 2019

BELIA SIAGA MASA DEPAN



2 Zulhijjah 1440
3 Ogos 2019

**Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas**

کمنترين کبوداياٴن بليا دان سوکن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

بليا كيت ماس دڤن كيت

Our Youth Our Future



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

**TITAH**
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-14**

**PADA HARI RABU**
**19 ZULKAEDAH 1439**
**1 OGOS 2018**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat pula menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Ke-13 pada pagi ini.

Di kebelakangan ini, Beta mendapati, berlaku kemajuan dan perkembangan positif di kalangan para belia kita, khasnya dalam bidang keusahawanan dan kemasyarakatan, sama ada secara individu mahupun perkumpulan, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat serantau dan antarabangsa.

Hampir setiap hari kita mendengar dan membaca di dalam laman-laman media sosial tentang kejayaan anak-anak muda menerokai pelbagai bidang dalam kehidupan. Ini setentunya menjadi pembakar semangat kepada semua.

Kita adalah menyedari akan keperluan usaha. Kerana rezeki tidak datang bergolek, melainkan memerlukan usaha, dan dengan usaha itulah juga kita mampu menembusi dunia pasaran.

Dengan adanya ledakan maklumat dan pesatnya jaringan komunikasi berteknologi tinggi, maka bidang perniagaan dan usahawan adalah terbuka lebih luas. Dengan terciptanya platform seperti ini, para belia seharusnya lebih kreatif lagi memperkasa diri masing-masing.

Pada masa yang sama, Kerajaan Beta juga sedang menyusun semula dan memperbaiki 'Eco-System Keusahawanan Belia' untuk membantu mereka menjadi pengusaha yang berjaya.

Usaha-usaha ini termasuklah mengemaskinikan program sedia ada di bidang *'capacity building'*, penyediaan kemudahan infrastruktur yang berbentuk fizikal dan *'digital'*, serta kemudahan pembiayaan kewangan dan *'market access'*.

Di samping itu, Kerajaan Beta juga akan turut melangkah lebih jauh menyediakan 'Eco-System Keusahawanan Belia' yang lebih komprehensif. Salah satu daripada pembaikan 'Eco-System' tersebut ialah dengan mempromosi dan menyediakan peluang-peluang perniagaan yang spesifik untuk membantu para belia memulakan perusahaan.

Pihak agensi kerajaan yang berkenaan akan bekerja-rapat dengan pengusaha-pengusaha belia di dalam mengenal-pasti bidang-bidang tertentu, seperti menyediakan pelan perniagaan dan kemudahan-kemudahan lain.

Ke arah ini, Beta amat gembira dengan adanya pelancaran salah satu program pada hari ini yang dipanggil sebagai I-Usahawan. Program ini akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha belia tempatan bagi mengambil bahagian di dalam tender atau kontrak-kontrak berisiko rendah dan sebagainya.

Setakat ini, terdapat sebanyak 30 kontrak industri minyak dan gas bagi program perintis I-Usahawan. Program ini berpotensi untuk dilaratkan ke sektor lain dan juga sektor kerajaan.

Pada satu ketika dahulu kita mempunyai program peladang muda. Dengan teknologi yang lebih moden dan peluang yang lebih luas di dalam Agribusiness, maka mungkin saja program ini sesuai untuk dihidupkan semua, dengan pendekatan yang baru.

Pada hemat Beta, semua inisiatif yang sedia ada dan sedang dirancang, jika dimanfa'atkan sepenuhnya, tidak mustahil ia berupaya untuk melahirkan ratusan pengusaha dan ribuan peluang pekerjaan.

Oleh itu, pastikanlah ia, tidak disia-siakan.

Untuk akhirnya, bersempena Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini yang telah memberikan sumbangan mereka kepada negara dan bangsa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# KATA ALU-ALUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله

وصحبه أجمعين



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua Negara Brunei Darussalam dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan buat Kali Ke-14 pada 3 Ogos 2019.

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-14, Tahun 2019 menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli dan seterusnya mengurniakan titah serta menyempurnakan pengurniaan Anugerah-Anugerah dalam memeriahkan lagi acara kemuncak Hari Belia Kebangsaan ini. Pemedulian dan keprihatinan mendalam Baginda yang berterusan terhadap pembangunan belia jelas tergambar melalui keberangkatan Baginda dalam Majlis Sambutan ini.

"Belia Siaga Masa Depan" dipilih sebagai tema sambutan pada tahun ini, bertepatan dengan konsep sambutan yang memfokuskan kepada penglibatan belia dalam keusahawanan dan teknologi. Sejajar dengan pencetusan Revolusi Industri 4.0 yang mula berkembang di negara-negara maju dan yang sedang membangun, negara kita juga tidak ketinggalan bagi mempersiapkan belia-belia dalam menghadapi era baru ini. Teknologi tinggi yang mula berevolusi dalam masyarakat kita haruslah diseimbangi dengan Falsafah 'Melayu Islam Beraja' agar para belia kita akan terus berpegang teguh kepada Nilai-Nilai Murni yang menjadi tunggak identiti kita di samping celik dengan teknologi terkini.

Sambutan pada kali ini juga akan terus tertumpu kepada elemen keusahawanan dengan mengambilkira kepentingannya dalam membantu belia untuk terus bertahan hidup (survival) dan menyumbang kepada kemajuan negara. Elemen keusahawanan dan teknologi diserapkan dalam corak sambutan pada kali ini sebagai satu gagasan tentang hubungkait keduanya dengan tema sambutan agar kelestarian pembangunan belia dapat dicapai dan dinikmati.

Sambutan ini juga diisi dengan pelbagai aktiviti bermanfaat dan berilmu untuk kepentingan generasi belia termasuk Perhimpunan Ramah Mesra Belia yang akan memfokuskan kepada keusahawanan dan teknologi melalui empat kluster utama iaitu Ekonomi Kreatif, Perusahaan Sosial, Kesukarelawanan dan Pembangunan Lestari. Perhimpunan Ramah Mesra Belia ini diterajui sepenuhnya oleh para belia daripada pelbagai latar belakang selaku Rakan Strategik Kementerian ini. Kesinambungan daripada Perhimpunan ini, satu Pleno Usahawan Belia 2019 juga akan turut diadakan di samping pengisian aktiviti-aktiviti menggunakan teknologi moden bagi menambat perhatian golongan Belia di negara ini.

Seperti lazimnya, sumbangan dan khidmat bakti belia terhadap negara diberikan pengiktirafan dengan penganugerahan Anugerah Hari Belia Kebangsaan dalam empat kategori iaitu Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia dan Projek Cemerlang Untuk Belia. Turut dikongsikan bahawa pada tahun ini, Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia akan diberikan dalam bentuk *seed grant* bagi menggalakkan penerusan perlaksanaan dan pengembangluasan skop projek tersebut.

Akhir kata, diucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14, 2019, Ahli Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2019 dan Rakan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terdiri daripada Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga Rakan-Rakan Belia yang berkenaan termasuklah Tim Kreatif Belia. Semoga segala usaha yang dicurahkan dalam menjayakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2019 akan mendapat ganjaran yang baik daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala jua.

Adalah diharapkan agar Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2019 akan dapat menampilkan satu kemeriahan hasil usahasama yang diungkayahkan oleh pelbagai pihak dan agensi bagi sama-sama mendukung dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 secara pendekatan *'whole of nation'*. **Maju Belia, Majulah Negara – Belia Siaga Masa Depan.**

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN**
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-14, 2019

# IKRAR BELIA

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ

Dengan Bersyukur
Ke Hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala
Kami Belia
Negara Brunei Darussalam
Berikrar
Taat Kepada Allah
Setia Kepada Raja
Cinta Kepada Negara
Mendukung Kepimpinan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Mempertahankan Kedaulatan
Negara Brunei Darussalam
Sebagai Negara Melayu Islam Beraja
Mematuhi Perlembagaan Negara
dan Undang-Undang,
Berakhlak Mulia dan Terpuji

PEMBACA UTAMA

**YANG MULIA AWANG MUHAMMAD HANIS BIN HAJI OSMAN**
**Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Sosial Generasi Berkarih**



Berkelulusan Bachelor of Business (Hons) in Technology Management di Universiti Teknologi Brunei tahun 2017

- Ketua Belia dalam Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) yang ke-44 bagi kontingen Negara Brunei Darussalam tahun 2017
- Pengerusi acara University Cup pada tahun 2015 dan pernah mewakili negara dalam beberapa program seperti ASEAN Youth Camp 2015, di Chiang Rai, Thailand dan Program JENESYS 2.0: Economics 2016, di Jepun
- Ketua EXCO Kepimpinan, Perkembangan dan Mentor di Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Brunei (MPPUTB) pada tahun 2015
- Penuntut intek pertama Sekolah Sukan Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2003 dan telah mewakili Negara Brunei Darussalam pada peringkat bawah 14 tahun, 15 tahun, 18 tahun dan Pesta Sukan Kebangsaan.
- Peserta pertama mewakili negara bagi acara World Scholar Athlete Games yang berlangsung di Providence State, Amerika Syarikat pada tahun 2006.
- Generasi Berkarih merupakan sebuah perusahaan sosial yang terdiri daripada barisan belia yang bergiat aktif memberi sumbangan berupa program kem kepimpinan, kursus motivasi dan aktiviti berpasukan kepada belia serta memberi pemedulian kepada belia yang mempunyai masalah dari pelbagai latar belakang.

• Sebagai satu inisiatif untuk membantu masyarakat dan memberi pendedahan kepada belia tentang peranan dan tanggungjawab belia, potensi diri serta erti mensyukuri nikmat kehidupan yang ada.
• Setakat ini, Generasi Berkarih telah berjaya membantu lebih daripada 900 belia dan beliawanis dalam menangani masalah era globalisasi dan menekankan kepentingan belia dan beliawanis dalam ilmu kepimpinan dan motivasi untuk menjadi aset terpenting menuju Wawasan Negara 2035.

PENGIRING 1:

## YANG MULIA AWANG MUHAMMAD YUSOF BIN HAJI ABDUL MAJID
**Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama**



• Ahli Panel Temuduga permohonan mendapatkan Tauliah Kebenaran mengajar ugama dan berceramah ugama sehingga tahun 2022.
• Graduan Diploma Tertinggi dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di Institut Teknologi Brunei (ITB), mengikuti Sarjana Muda dalam jurusan Psikologi dan Pengajian Islam di Universiti Islam Malaysia dan seterusnya di peringkat Sarjana dalam bidang Organisational Psychology & Business di Aston Universiti, Birmingham, United Kingdom.
• Seringkali dijemput oleh persatuan-persatuan pelajar, Institusi Pengajian Tinggi, agensi-agensi kerajaan serta swasta dan masjid-masjid untuk menyampaikan ceramah motivasi serta keugamaan.
• Tamat mengikuti Program Top Brunei 100 Leaders tajaan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah.
• Antara 15 pemimpin belia Brunei bagi mengikuti Singapore-Brunei Young Leadership Exchange Program (SBYLEP) di Singapura.
• Mentor kepada Belia Da'ie dari tahun 2017 hingga 2018.

PENGIRING 2:

## YANG MULIA DAYANG NURUL HADINA BINTI HAJI ALIAS
**Pegawai Pendidikan di Pusat Tingkatan Enam Tutong**



• Menamatkan pengajian Sarjana Muda dalam bidang Sosiologi pada tahun 2012 dari University of Warwick, United Kingdom.
• Komited dalam menghulurkan pelbagai bentuk bantuan secara proaktif dan kreatif.
• Melibatkan diri dalam khidmat masyarakat yang menyahut hasrat kerajaan bagi membentuk syaksiah para belia sebagai pencetus dan penggerak kemajuan negara melalu badan-badan bukan kerajaan seperti Global Shapers dan WeCare.
• Sejak bulan Jun 2018, beliau melibatkan diri dalam kempen Matlamat Pembangunan Mapan (Sustainable Development Goals) sebagai ASEAN advocate yang berperanan untuk membuka minda masyarakat mengenai tindakan yang perlu diambil supaya negara akan menjadi lebih mapan.

# ATUR CARA

| | | |
|---|---|---|
| 8.00 pagi | - | Para Jemputan hadir |
| 8.30 pagi | - | Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara |
| 9.00 pagi | - | Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja |
| | - | Lagu Kebangsaan |
| | - | Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat |
| | - | Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan |
| | - | Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam |
| | - | Ikrar Belia |
| | - | Tayangan Video dan Persembahan Belia |
| | - | Pengumuman Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2019 |
| | - | Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Pengurniaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2019 |
| | - | Lagu Kebangsaan |

# ATUR CARA

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia di Dewan Persidangan Utama

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima Pesambah

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung bagi Majlis Santap

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung bagi sesi bergambar kenangan

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis

- Majlis Bersurai

# HURAIAN TEMA

## *Belia Siaga Masa Depan*

"Seorang belia yang tumbuh normal dan sihat adalah belia yang baik. Ditambah lagi jika pengisiannya sempurna, dari sudut keperibadian, pendidikan dan kebolehan, maka belia yang seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berkualiti.

Belia berkualiti, di samping diukur dari sudut pengisiannya, dan juga ditentukan oleh sikapnya. Belia yang bersikap suka memajukan diri, itulah tanda belia yang berbakat besar, yang pada lazimnya sangat aktif dan kreatif.

Bukankah semua ini merujuk kepada kualiti?

Belia macam inilah yang kita mahukan. Kita mahu belia kita jangan pasif tetapi aktif. Kita tidak mahu para belia itu hanya tahu menghitung hari, tetapi yang kita mahukan ialah, belia yang ligat dan giat 'mengisi' waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebajikan, bukan membiarkannya kosong atau berlalu begitu sahaja."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan
Kali Ke-12 pada 1 Ogos 2017

Siaga bermaksud siap sedia. Masa depan merupakan suatu jangkaan dan cabaran yang dihadapi negara pada masa akan datang yang memerlukan persiapan atau persediaan (kesiagaan) yang mapan bagi memantapkan proses pembangunan dan kemajuan negara. Lebih-lebih lagi bagi merealisasikan aspirasi negara, iaitu Wawasan Negara 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Merealisasikan aspirasi tersebut, amat memerlukan pelaksanaan yang penuh komited dan bersungguh-sungguh untuk menyumbang kemajuan dan kecemerlangan negara.

Belia menjadi tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa depan. Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada peranan belia sebagai pemacu kemajuan pembangunan negara pada masa depan. Kemampuan belia menuju masa depan amat berkait rapat dengan mempersiapkan belia dengan 'acuan' yang berkualiti dan mampu mendepani pelbagai cabaran yang sukar diramalkan dengan cara yang bijak dan berwibawa. Belia masa depan itu adalah belia yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian; tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab secara bersepadu antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara. Mempertajam, meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan menjadi strategi negara yang harus dilaksanakan bagi melahirkan aset negara yang bertanggungjawab. Belia perlu dibimbing dan dididik agar kelak menjadi generasi yang berguna dan bermanfaat kepada bangsa dan negara.

# TROFI ANUGERAH



# PERLAMBANGAN TROFI

Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang diguna pakai mulai tahun 2016 merupakan arca moden (modern sculpture) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (base) trofi ini ialah bentuk bahtera berlayar yang menggambarkan para belia yang menyedari peranan, dan tetap bersemangat menyahut seruan untuk membangun bangsa dan negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menanai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Perlambangan lain reka bentuk trofi ini termasuk;






Belia adalah tunas bangsa, umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna, sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih akan berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).



Abjad 6 – 6 Bidang Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri, Pekerjaan dan Latihan, Kepimpinan, Daya Usaha, Persefahaman Antarabangsa dan Perkhidmatan kepada Orang Lain dan negara dengannya menjulang ketahanan dan keutuhan.



Layar Bahtera dan Kain Tenunan Brunei, lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan negara.



Bahtera melambangkan negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Bagi bahtera dapat belayar ke destinasi memerlukan kemudi dan pandu arah begitu halnya dengan belia memerlukan Polisi dan Hala Tuju bagi memastikan mereka akan menyambung/memangkin agenda pembangunan bangsa dan negara.



# KATEGORI ANUGERAH

**BELIA CEMERLANG** diberikan kepada belia yang berjaya dalam bidang masing-masing yang pada utamanya mengharumkan nama negara

**BELIA BERKHIDMAT** diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara atau orang lain

**PEMIMPIN MUDA BELIA** diberikan kepada pemimpin muda belia yang cemerlang menggembleng orang-orang bawahan kepada kebaikan

**PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA** diberikan kepada projek yang banyak memanfaatkan belia

# CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

## *Belia Cemerlang*

| BIL. | NAMA | PERSATUAN/ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1 | Dayang Annie Koh | Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA) |
| 2 | Awang Abdul Malek bin Abdul Rahim | Persatuan Belia Belait 'PEMBELA' |
| 3 | Dayang Liaw Lin Ji | - |
| 4 | Awang Dr. Andery Lim | Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian untuk sepanjang program ASEAN Science and Technology Fellowship |
| 5 | Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid | Brunei United States Association |
| 6 | Dayang Liyana binti Zakaria | Pasukan Brunei Motorcross |
| 7 | Dayang Khairunnisaa Saaniah binti Dr. Haji Kamsani | - |
| 8 | Dayang Nabilah binti Jeffery | UPSYKL Enterprise |
| 9 | Awang Mohammad Sufi Shayiran bin Roslan | Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam |
| 10 | Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan | Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam |
| 11 | Awang Mohammad Adi Sya'rani bin Roslan | Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam |
| 12 | Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit | 1. Young Executive Programme, COHORT 2<br>2. Dash Team<br>3. Generasi Berkarih |
| 13 | Awang Irwan bin Nordin @ Rino | Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Daerah Belait |
| 14 | Awang Muhammad Yamin bin Abdul Hamid | Persatuan Pencipta Pemuda (PPP) / *Young Creators Association* |
| 15 | Awang Mohammad Gaddafy bin Haji Shadoon | Brunei Adventure Recreational Association (BARA) |
| 16 | Awang Loo Kee Lee | Young Entrepreneurs Association of Brunei |
| 17 | Awang Muhammad Najib bin Haji Aliakbar | Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Kaherah Mesir |
| 18 | Awang Muhammad Najib bin Fadhlillah bin Haji Abdul Majid | Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong |
| 19 | Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd Salleh | Young Entrepreneurs Association of Brunei (YEAB) |
| 20 | Awang Mohammad Dini bin Haji Morsidi | - |

# CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

## *Belia Berkhidmat*

| BIL. | NAMA | PERSATUAN/ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1 | Dayang Siti Kailene binti Mohd Jazlan Kashfi | Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam |
| 2 | Awang Mohammad Suhaimi bin Awang Haji Md Daud | Persatuan Motorsikal Brunei Darussalam |
| 3 | Awang Mohamad Faridzul Hazri bin Mohd Ibrahim | Persatuan Belia Belait [Pembela] |
| 4 | Awang Mohamad Syukri bin Jamil | Generasi Berkarih |
| 5 | Dayang Nabilah binti Jeffery | Persatuan Bina Ukhwah |
| 6 | Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit | 1. DINAMIKA (Young Executive Programmes, Cohort 2<br>2. Dash Team Generasi Berkarih |
| 7 | Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd Salleh | 1. Society for Community Outreach & Training (SCOT)<br>2. Global Shapers Bandar Seri Begawan Hub |
| 8 | Awang Mohamad Hazrin bin Daud | Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam |
| 9 | Dayang Muna Munjiyah binti Haji Abdul Malik | Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam |
| 10 | Awangku Muhd Al-Muttaqibillah bin Pengiran Hasan | 1. Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam<br>2. Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI)<br>3. Majlis Perundingan Kampung Delima Satu |
| 11 | Dayang Najihah Kamilah binti Latif | Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam |
| 12 | Awang Irwan bin Nordin @ Rino | Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Daerah Belait |
| 13 | Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin | Persatuan Bina Ukhwah |
| 14 | Dayang Nurul Izzati Khairunnisa binti Embran | Society for Community Outreach & Training (SCOT) |
| 15 | Awang Mohd Khairul Azmi bin Haji Mohd Salleh | Society for Community Outreach & Training (SCOT) |
| 16 | Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan | Jabatan Daerah Tutong / Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong / Sukarelawan Daerah Tutong / Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Tutong |
| 17 | Awang Wadi bin Sahrun | Almas Volunteer Club |
| 18 | Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman (Dr.) | Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong |
| 19 | Awang Muhammad Haziq Hisyam bin Mohd Zaki | 1. Majlis Belia Brunei (MBB)<br>2. Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) |

# CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

## *Pemimpin Muda Belia*

| BIL. | NAMA | PERSATUAN/ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1 | Dayang Siti Kailene binti Mohd Jazlan Kashfi | Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam |
| 2 | Awang Muhammad Mirwan @ Muhammad Abbasy bin Mohammad Ismail | 1. Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) Biro Seni & Budaya<br>2. Persatuan Pelajar KUPUSB |
| 3 | Dayang Liaw Lin Ji | Persatuan Pencinta Biodiversiti dan Alam Semula Jadi |
| 4 | Awangku Muhammad Nazih bin Pengiran Yussof | Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA) |
| 5 | Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad | 1. Persatuan Mahasiswa/i Universiti Brunei Darussalam<br>2. Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'A' |
| 6 | Dayang Ong Huey Jiuan | - |
| 7 | Dayangku Nur Duratul Ain binti Pengiran Saripuddin | Projek Bina Ukhwah |
| 8 | Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid | Brunei United States Association |
| 9 | Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd. Salleh | 1. Society for Community Outreach & Training (SCOT)<br>2. Global Shapers Bandar Seri Begawan Hub |
| 10 | Abang Muhammad Masrur bin Abang Zainuddin | Kisah Kasih |
| 11 | Awang Mohd Khairul Azmi bin Haji Mohd Salleh | Society for Community Outreach & Training (SCOT) |
| 12 | Awang Ahmad Yasir bin Haji Ahmadiah @ Mohammad Yasir | Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) |
| 13 | Awang Ahmad Tarmizi bin Haji Abu Bakar | Ashabul Haliim<br>Kelab Belia Masjid Pengiran Muda Abdul Malik Kampung Tungku, Katok |
| 14 | Dayang Siti Noraspadiyah binti Haji Mohd Sah | Society for Community Outreach & Training (SCOT) |

# CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

## *Projek Cemerlang Untuk Belia*

| BIL. | NAMA | PERSATUAN/ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1 | HIV Awareness Programme for Peers and Youth (H.A.P.P.Y) | Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam |
| 2 | Asas Keselamatan 5p dan 3k | Persatuan Motorsikal Brunei Darussalam |
| 3 | Projek Masyarakat Penyayang & Pembela Warga Emas | Persatuan Belia Belait [PEMBELA] |
| 4 | Micropreneurs' Accelerator Program [MICAPRO] | Young Southeast Asian Leaders Initiative [YSEALI] |
| 5 | Big BWN Project | Big BWN Project |
| 6 | The Beam Initiative | La Vida Bhd |
| 7 | Agrometro Project - Together We Plant, WE Grow, We Sell | Agrometro |
| 8 | Belia Brunei Berbakti (3B) | Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) |
| 9 | Islamic Mind | Mindplus Education Sdn Bhd |
| 10 | Youth Against Poverty (YAP) | Society for Community Outreach & Training (SCOT) |
| 11 | Social Kitchen | Society for Community Outreach & Training (SCOT) |
| 12 | Startup Weekend Brunei | Eico Entreprise |
| 13 | Youths For Brunei' dan 'Our Children, Our Future' | Suara Belia Brunei |
| 14 | Made In Benchlab | Benchlab |
| 15 | Projek Burger Telur | Al-Huffaz Leaders |
| 16 | Youth Career Leadership Camp (YCLC) | Generasi Berkarih |
| 17 | Leaders Foundation Camp (LFC) | Generasi Berkarih |
| 18 | Foosion By Uno | Program Eksekutif Muda Kohot Ke-3 |
| 19 | Projek Assalamualaikum | Program Eksekutif Muda Kohot Ke-3 (YEP-3) |
| 20 | MHIND (Mental Health Initiative And Drive) | Program Eksekutif Muda Kohot Ke-3 |
| 21 | Projek Titian Harapan | Kisah Kasih (Program Eksekutif Muda Kohot Ke-2) |
| 22 | Kelab Penyinar | Majlis AIDS NBD |
| 23 | Life Skills Training Yang Ke-19 (LESTARI) | Majlis AIDS NBD |
| 24 | World AIDS Day Symposium for Health Care Professional | Majlis AIDS NBD |
| 25 | Dart | Dart Logistics Sdn Bhd |
| 26 | Program Belia Tahunan "Journey of A Muslim" (JOM I, II, III, IV) dan "Zero 2 Hero" (Z2H I, II, III, IV) | Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong |
| 27 | Projek Amal Baju Raya 2019 | Dash Team / Generasi Berkarih / Hand4HandBN |

# TEMA-TEMA SAMBUTAN
# HARI BELIA KEBANGSAAN

| TAHUN | TARIKH SAMBUTAN | TEMA |
|---|---|---|
| 2010 | 21 Sya'ban 1431<br>2 Ogos 2010 [Isnin] | Keusahawanan Pemangkin Belia Berdikari |
| 2011 | 27 Syawal 1432<br>26 September 2011 [Isnin] | Belia Berkreatif dan Berinovasi |
| 2012 | 20 Zulkaedah 1433<br>6 Oktober 2012 [Sabtu] | Belia Syumul Harapan Negara |
| 2013 | 16 Muharram 1435<br>20 November 2013 [Rabu] | Belia Menuju Wawasan |
| 2014 | 8 Zulkaedah 1435<br>3 September 2014 [Rabu] | Bersatu Menghadapi Cabaran Abad Ke-21 |
| 2015 | 17 Zulkaedah 1436<br>1 September 2015 [Selasa] | Belia Berwawasan Menjana Ekonomi |
| 2016 | 03 Safar 1438<br>3 November 2016 [Khamis] | Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi |
| 2017 | 8 Zulkaedah 1438<br>1 Ogos 2017 [Selasa] | Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara |
| 2018 | 19 Zulkaedah 1439<br>1 Ogos 2018 [Rabu] | Belia Pemacu Brunei Maju |

# IMBASAN
# SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
# KALI KE-13, 2018



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Semasa Mengurniakan Titah**











Bacaan Ikrar Belia diketuai oleh Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin
Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait / Pengasas Bersama dan Penasihat Projek Bina Ukhwah

# PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2018



Penerima Anugerah Belia Cemerlang
Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah



Penerima Anugerah Belia Berkhidmat
Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias

# PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2018



Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia
Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof



Program Belia Sayang oleh Teachmeguru
Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia



**Pesambah berbentuk seni lukis Graffiti sebagai medium ekspresi diri dan komunikasi yang diminati kaum Belia. Warna yang digunakan adalah berasaskan kepada warna Bendera Kebangsaan dan memaparkan tempat-tempat menarik di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.**

**Reka bentuk disediakan oleh Wan Nur Zahidah binti Metussin**



*Sinopsis:* Pesambah ini merupakan hasil rekaan yang diperbuat daripada kayu dan dibentuk menjadi ejaan "Belia" dan diwarnakan mengikut warna Bendera Kebangsaan. Ia berinspirasikan seni Graffiti yang pada masa ini semakin diminati oleh belia di dalam industri kreatif. Graffiti merupakan satu seni yang boleh menghantar mesej yang positif selain dianggap sebagai vandalisme. Lukisan yang terdapat pada rekaan ini menggambarkan tempat-tempat yang menarik di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam yang mana menunjukkan kepentingan industri kreatif ke arah mendukung "Wawasan Negara 2035". Rekaan ini terhasil dari gabungan sembilan orang belia usahawan kreatif dengan bermotifkan "Belia Bersatu" dalam memacu Brunei maju.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja bersama Penerima-penerima Anugerah Belia Kebangsaan 2018**

Sambutan
Hari Belia
Kebangsaan Kali Ke-13, 2018
Belia Pemacu Brunei Maju

# PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA



# PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA





# PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA





## PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA






# PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA





# PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA





# PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA






# PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA





## PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA





# MAJLIS PERASMIAN BUKU I-USAHAWAN





# SESI PLENO KEUSAHAWANAN BELIA






رياضه برباسيكل
هاري بليا كبغسائن 2018
Riadah Berbasikal
Hari Belia Kebangsaan 2018
Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, 2018
7.00 Pagi / Hari Ahad
21 Zulhijjah 1439
2 September 2018
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien
Bandar Seri Begawan

# RIADAH BERBASIKAL
# HARI BELIA KEBANGSAAN 2018



# RIADAH BERBASIKAL
# HARI BELIA KEBANGSAAN 2018





# RIADAH BERBASIKAL
# HARI BELIA KEBANGSAAN 2018






SURAH YAASIN
TAHLIL DAN DOA-DOA PILIHAN
سورة يس دان تهليل
SEMPENA
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-13,2018

# MAJLIS DOA KESYUKURAN





کمنترين کبودايأن بليا دان سوکن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# ڤروکرم بس بليا

# Program BAS BELIA

8 -14 September 2018

Sempena
**Sambutan Hari Belia Kebangsaan**
**Kali Ke-13, 2018**

# PROGRAM BAS BELIA



# PROGRAM BAS BELIA





# PROGRAM BAS BELIA






كمنترين كبودايأن بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
سوكن اءير بليا 2018
Sukan Air Belia 2018
Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, 2018
Hari Ahad
14 Zulhijjah 1439 / 26 Ogos 2018
Taman Mahkota Jubli Emas,
Bandar Seri Begawan
Dianjurkan bersama Rakan Korporat
GHK MOTORS SDN BHD
Your Support, Our Success

## SUKAN AIR BELIA 2018



# SUKAN AIR BELIA 2018






# SUKAN AIR BELIA 2018





# KONSEP EMPAT KLUSTER

# EKONOMI KREATIF

Ekonomi Kreatif adalah sektor yang merangkumi aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan. Ia terletak di persimpangan kreativiti manusia, pengetahuan dan teknologi. Ia merangkumi industri kreatif sejajar dengan buruh dan hasil pengeluaran. Perkembangan Ekonomi Kreatif yang tepat menghasilkan nilai komersial dan budaya dan sepatutnya mempunyai potensi untuk menghasilkan pendapatan dan pekerjaan. Industri Kreatif termasuk pengiklanan, seni bina, seni dan kraf, reka bentuk, fesyen, video, fotografi, muzik, seni persembahan, penerbitan, penyelidikan dan pembangunan, perisian, permainan komputer, penerbitan elektronik dan TV/radio.















# PERUSAHAAN SOSIAL



Perusahaan Sosial adalah perniagaan yang didorong oleh tujuan untuk mewujudkan kesan positif dalam masyarakat iaitu memberi tumpuan kepada kesan/impak sebelum keuntungan. Kesan yang dimaksudkan ialah yang dapat menyelesaikan isu-isu dalam masyarakat berkaitan dengan alam sekitar serta ekonomi.









# KESUKARELAWANAN

Kesukarelawanan secara amnya dianggap sebagai aktiviti altruistik di mana individu atau kumpulan memberikan perkhidmatan tanpa menerima keuntungan kewangan atau sosial. Sukarelawan juga terkenal dengan perkembangan kemahiran dan sering bertujuan untuk mempromosikan kebajikan atau untuk meningkatkan kualiti hidup manusia. Sukarelawan memberikan faedah positif kepada sukarelawan sendiri dan untuk orang atau masyarakat. Ia juga bertujuan untuk mengembangkan perhubungan bagi kemungkinan mendapatkan pekerjaan. Ramai sukarelawan dilatih khusus dalam bidang-bidang yang mereka kerjakan, seperti perubatan, pendidikan, atau penyelamatan kecemasan.









# PEMBANGUNAN LESTARI



Matlamat Pembangunan Lestari adalah pelan tindakan untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan mantap untuk semua. Mereka menangani cabaran global yang kita hadapi, termasuk yang berkaitan dengan kemiskinan, ketidaksamaan, iklim, kemusnahan alam sekitar, kemakmuran, dan keamanan dan keadilan. Matlamat ini bersambungkait dan untuk memastikan tiada seorang pun ketinggalan, adalah penting bahawa kita mencapai setiap sasaran menjelang tahun 2030.














## JAWATANKUASA
## SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
## KALI KE-14, 2019

# AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI



# JAWATANKUASA TERTINGGI

## PENGERUSI

Yang Berhormat
Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin
Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
*Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan*

## TIMBALAN PENGERUSI

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw
*Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian*
*Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian*

## SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia
Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof
*Setiausaha Tetap*
*Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia
Dr Awang Haji Azman bin Ahmad
*Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)*
*Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia
Awang Haji Muhammad Nazri bin Haji Muhammad Yusuf
*Setiausaha Tetap*
*Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi*

Yang Mulia
Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil
*Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar)*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud
*Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet)*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

## TIMBALAN SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia
Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said
*Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan)*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut
*Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan)*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Dr Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah
*Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan)*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

# JAWATANKUASA TERTINGGI

## PENOLONG SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia
Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed
*Pemangku Pengarah Belia dan Sukan*
*Jabatan Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Dayang Zainab binti Haji Morshidi
*Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

## AHLI-AHLI

Yang Berhormat
Dayang Hafimi binti Abdul Haadi
*Ahli Majlis Mesyuarat Negara*

Yang Berhormat
Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari
*Ahli Majlis Mesyuarat Negara*

Yang Berhormat
Awang Iswandy bin Ahmad
*Ahli Majlis Mesyuarat Negara*

Yang Mulia
Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim
*Setiausaha Tetap,*
*Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
Pengiran Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak
*Setiausaha Tetap,*
*Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*

Yang Mulia
Awang Haji Md Salleh bin Haji Abdul Karim
*Ketua Pengarah Kerja Raya*
*Jabatan Kerja Raya*
*Kementerian Pembangunan*

Yang Mulia
Dr Dayang Hajah Lailawati binti Haji Jumat
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan*
*Kementerian Kesihatan*

Yang Mulia
Awang Abdul Aziz bin Abdullah
*Pengarah Perkhidmatan Elektrik*
*Jabatan Perkhidmatan Elektrik,*
*Jabatan Perdana Menteri*

# JAWATANKUASA TERTINGGI

Yang Mulia
Dayang Martinah binti Haji Tamit
*Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi*
*Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi*
*Kementerian Pembangunan*

Yang Mulia
Awang Haji Md Suffian bin Haji Bungsu
*Pengarah Radio Televisyen Brunei*
*Jabatan Radio Televisyen Brunei*
*Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
Awang Mawardi bin Haji Mohammad
*Pemangku Pengarah Penerangan*
*Jabatan Penerangan*
*Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
Awang Haji Kamarul Azam bin Haji Mohamed
*Pemangku Pengarah Percetakan*
*Jabatan Percetakan Kerajaan*
*Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
Awang Zainal Abidin bin Haji Kefli
*Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah*
*Jabatan Sekolah-Sekolah*
*Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia
Awang Mohammad Jais bin Abdul Rahman
*Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum*
*Jabatan Pendidikan Kokurikulum*
*Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia
Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri
*Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid*
*Jabatan Hal Ehwal Masjid*
*Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Amat Mulia
Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin
Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris
*Pemangku Pengarah Gerakan*
*Pasukan Polis Diraja Brunei*

Yang Mulia
Dato Paduka Awang Razali bin Haji Badar
*Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara*
*Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri*

# JAWATANKUASA TERTINGGI

Yang Mulia
Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria
*Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin
*Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus
*Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Kol. [B] Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail
*Pengarah Program Khidmat Bakti Negara*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid
*Pemangku Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Awang Haji Abdoh bin Haji Awang Damit
*Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Dayang Hajah Noridah binti Haji Abdul Hamid
*Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Awang Suip bin Haji Abdul Wahab
*Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan
Dato Paduka Haji Mohammad Tahir
*Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Awang Hanafi bin Haji Salleh
*Timbalan Pengarah Pusat Sejarah*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Awang Amirul Shukri bin Haji Hafineh
*Pemangku Pengarah Muzium-Muzium*
*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia
Awang Muhammad Aidil Firdaus bin Haji Jukin
*Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei*

Yang Mulia
Datin Dayang Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia
Dato Paduka Haji Mohd Yusof
*Yang Di-Pertua Majlis Wanita Brunei Darussalam*

## KETUA URUS SETIA

Yang Mulia
Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed
*Pemangku Pengarah Belia dan Sukan*
*Jabatan Belia dan Sukan*

# AHLI JAWATANKUASA KERJA



## UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14, 2019
sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja,
Rakan Strategik, Tim Kreatif dan semua pihak termasuk agensi
kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, orang perseorangan,
swasta, serta orang ramai yang telah turut sama dalam
memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14, 2019

**TIM KREATIF**|1.Yang Mulia Dayang Wan Nur Zahidah binti Metussin Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan|2.Yang Mulia Dayang Shinny Chia, The Collective Art|3. Yang Mulia Awang Adam bin Mohd Hanif|4. Yang Mulia Dayang Charlotte Lim, The Creative Core|5. Yang Mulia Osveanne Haji Osman, Creative Space Art Gallery & Studio|6. Yang Mulia Dayang Liyana binti Mohd Hanif|7.BizBrunei|**RAKAN STRATEGIK**|1. Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian|2. Kementerian Pendidikan|3. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi|4. Yang Mulia Awang Afiq bin Mohamed, Founder, Startup Weekend Brunei and Entrepreneurship Innovation Community & Outreach |5. Yang Mulia Dayang Charlotte Lim, Co-Founder, The Creative Core BN|6. Yang Mulia Awang Haji Md Iqbal Fakhri bin Haji Damit, Founder, Hand4Hand|7. Yang Mulia Dayang Norkefani binti Hj Mohamed, Project Manager, Tarbiyyah Global|8. Yang Mulia Dayang Hajah Rasyeedah binti Dato Setia Haji Samid, Founder of Pins N Needles|9. Yang Mulia Awang Dr Nuriskandar bin Hasnan, UBD Guild of Graduates|10. Yang Mulia Awang Abdul Mateen bin Bolkini, Deputy Treasurer, Majlis Belia Brunei|11. Yang Mulia Dayangku Hanna Afiqah binti Pengiran Hassanal Ali Saifuddin, Dewan Perniagaan Melayu Brunei|12. Yang Mulia Dayangku Durratul Ain binti Pengiran Saripuddin, President, Bina Ukhwah Project|13. Yang Mulia Dayang Osveanne binti Osman, General Manager, Creative Space Art Gallery and Studio|14. Yang Mulia Dayang Shinny Chia, Founder of The Collective Art Events|15. Yang Mulia Awang Jonathan Ooi, Creative Manager, The Collective Art Events|16. Yang Mulia Dayang Amy Cheong, Co-Founder of Relentless Brunei|17. Yang Mulia Awang Sumardi Hedus, Co-Founder of Relentless Brunei|18. Yang Mulia Dayang Liyana binti Hanif, Former Graphic Designer, Progresif Cellular Sdn Bhd| |**PERSEMBAHAN BELIA**|1. Yang Mulia Mohammad Najib bin Osman, Graduan Laksamana College Brunei |2. Yang Mulia Abdul Wafi bin Haji Abdul Rahman, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan|3. Yang Mulia Awangku Md NurSafiuddin bin Pengiran Hj Harun, Universiti Brunei Darussalam|4. Yang Mulia Dayangku Nurul Aziemah binti Pengiran Muzidan, Graduan Universiti Brunei Darussalam|5. Yang Mulia Nurhaliza binti Haji Hamidun, Graduan Universiti Brunei Darussalam|6. Yang Mulia Mohammad Najib bin Osman, Laksamana College Brunei|7. Yang Mulia Abdul Wafi bin Haji Abdul Rahman, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan|8. Yang Mulia Awangku Md NurSafiuddin bin Pengiran Haji Harun, Universiti Brunei Darussalam|9. Yang Mulia Dayangku Nurul Aziemah binti Pengiran Muzidan, Universiti Brunei Darussalam|10. Yang Mulia Nurhaliza binti Haji Hamidun, Universiti Brunei Darussalam |11. Yang Mulia Muhammad Hafiy Rusyduddin bin Haji Abdul, Relentless Brunei|12. Yang Mulia Ainul 'Ilmah binti Marzuki, Relentless Brunei|13. Yang Mulia Shannon Ali binti Osman, Relentless Brunei

بليا كيت ماس دڤن كيت

Our Youth Our Future